

DARI MAKAN GAJI KE BISNES

Diana' Mazan & Mahasin Saja Mearaj (UiTM Cawangan Johor)

Faeizah Mazan (Kementerian Pendidikan Malaysia)

Semangat dan minat untuk berniaga membuatkan wanita muda ini kini bergelar usahawan industri kecil sederhana (IKS). Bermula sebagai agen *dropship* sahaja kini telah mempunyai butik sendiri. Mempunyai kelulusan Diploma Perancang Bandar dan Wilayah, UiTM mampu menempatkan wanita muda ini dikedudukan yang selesa disyarikat swasta tempatnya berkerja. Namun, minat untuk berniaga tidak membataskan pergerakannya. Bermula sebagai agen dropship dan menjual secara langsung tudung-tudung yang diambil dari jenama terkenal membuahkan idea untuk membuka butik sendiri. Hanya dengan modal yang kecil dan usaha yang gigih serta pengorbanan yang besar, wanita ini berusaha mendapatkan stok jualan Menjual secara *Offline* dan *Online*. Berkat kesabaran, usaha gigih dan pengorbanan akhirnya wanita ini mampu membuka butik sendiri.



Minat berniaga ditambah pula dengan kemahiran menjahit yang dimiliki mampu membuatkan wanita ini mengeluarkan tudung jenamanya sendiri dan berpegang kepada prinsip patuh syariah. Perniagaannya bermula hanya dengan menumpang ruang kecil disyarikat suaminya dan menjahit sendiri tanpa pembantu tidak mematahkan semangatnya. Usaha gigih membuahkan hasil dengan bantuan pihak Majlis Amanah Rakyat, beliau berjaya mendapatkan lot kedai sendiri. Dari sinilah bermulanya wanita muda ini mengembangkan perniagaannya, dari tudung kini beliau mampu mengeluarkan baju wanita jenamanya sendiri. Hasil tangan beliau bukan sahaja menambat hati penduduk tempatan malah mendapat tempat dihati rakyat negara jiran, Singapura. Dari bergerak sendiri kini mempunyai beberapa orang pekerja yang membantunya dan yang paling penting dari makan gaji mampu menggajikan pekerja.

PENAUNG

YBhg. Prof Madya Dr Abdol Samad Nawi

PENASIHAT

Dr Rosman Mahmood

KETUA EDITOR

Noorazlina Ahmad

SIDANG EDITORSuzila Mat Salleh
Nooradzianie Muhd Zin**REKABENTUK & GRAFIK**

Norizan Ahmed

*Naik pedati pergi bertapa**Meredah hutan jalan beriringan**Nukilan tuan takkan dilupa**Seribu tahun dalam kenangan**Sampan sakat di Tanjung Pekan**Tingkap papan kayu bersegi**Terima kasih kami ucapkan**Lain edisi ketemu lagi*